


SIRI CERITA RAKYAT SABAH

AMBONG JAGOAN

JANATHAN KANDOK



SPH 5537

AMBONG JAGOAN

Oleh

JANATHAN KANDOK

KOLEKSI SABAH

PERPUSTAKAAN

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERPUSTAKAAN DBP

Cawangan, Sabah.

No Kelas: 398.2 KAN

No. Perolehan: KS 012343

Tarikh: 3/96 T.T Amil

Diterbitkan oleh
Kelab Kepimpinan Masyarakat Tandek
(KEMASTA)
c/o Sk. Tandek, Kota Marudu, Sabah.
1996

Cetakan Pertama 1996
© Cerita : Janathan Kandok
© Ilustrasi Kulit/Dalam : R.Hamzah Dua

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun samada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilek hakcipta, kecuali dengan tujuan ulasan atau keilmuan dengan had tidak lebih dari satu halaman buku ini.

Diaturhuruf oleh Janathan Kandok
Rupataip Teks : Times New Roman
Saiz Taip Teks : 12 poin

Dicetak oleh
Syarikat Percetakan
MUNCUL SISTEM SDN BHD

389-C, Taman Peringgit Jaya, 75400 Melaka.
Tel: 06-284 8400 / 284 3439 / 283 5670
Fax: 06-283 4819

PADA zaman dahulu tersebutlah kisah seorang bernama Ambong Jagoan. Dia suka membantu orang-orang kampung terutama jika mereka ada masalah. Dia juga selalu pergi menjelajah dari kampung ke kampung. Apabila tiba di suatu kampung dia bertemu dengan ketua kampung itu dan memperkenalkan dirinya. Ambong juga suka pergi ke hutan untuk memburu binatang. Apabila Dia mendapat binatang buruan sebahagian daripadanya dibahagi-bahagikan kepada orang-orang kampung di mana dia berburu. Ambong Jagoan sangat disayangi oleh orang di mana sahaja dia pergi.

Pada suatu hari Ambong pergi ke salah sebuah kampung yang paling jauh daripada kampungnya. Dia berjalan melalui hutan rimba dan dalam perjalanan, dia banyak menempuh masalah. Dia pernah diserang binatang buas tetapi binatang itu dapat dikalahkannya. Apabila dia sampai di kampung yang hendak ditujuinya, dia terserempak dengan sekumpulan pemuda yang sedang bermain raga. Dia pergi menghampiri gelanggang bermain raga itu. Ambongpun berdiri serta memperhatikan segala gelagat mereka. Tidak lama kemudian salah seorang daripada mereka terlihat Ambong tercegat di tepi gelanggang. Dia memberitahu kawan-kawannya tentang kehadiran Ambong Jagoan. Merekapun mendapatkan Ambong Jagoan. Mereka semua merasa hairan. Mengapakah pemuda yang tidak berbaju dan bersenjatakan pisau serta berlilit kain di kepala itu tiba-tiba sahaja berada di situ.

“Hey! Apa kamu buat berdiri macam tungkul di sini?”
Tanya ketua mereka.

“Tidak ada apa-apanya,” jawab Ambong tersenyum.

“Tidak ada apa-apanya, kata kamu?”

“Ya tidak ada apa-apanya.”

“Hey! Kamu jangan main-main dengan aku. Bukankah kamu berdiri di sini ada tujuan?” Ketua Pemuda itu semakin marah.

“Apa tujuan saya?” Tanya Ambong.

PERPUSTAKAAN



Scanned with CamScanner

“Hey! Kamu ini bodoh sangatlah. Apakah kamu mahu mempermain-mainkan aku?”

“Saya tidak berniat mempermain-mainkan kamu.”

“Eh! Bodoh sangatlah kamu ini. Bukan kamu berada di sini bertujuan hendak melihat kami bermain raga? Bukan begitu?” Tanya Ketua Pemuda itu. Betul juga kata pemuda itu, fikir Ambong. Aku berdiri di sini kerana melihat mereka bermain, fikirnya lagi.

“Ya. Saya memang mahu melihat kamu bermain raga.”

Kata Ambong Jagoan.

“Kalau begitu, marilah ikut aku masuk ke gelenggang,” pelawa Ketua Pemuda itu. Tanpa berlengah-lengah dia pun mengikuti pemuda itu masuk ke gelenggang. Dia diperkenalkan kepada pemuda-pemuda yang berada di situ. Ambong Jagoan pun memperkenalkan dirinya. Menurutnya, dia datang dari kampung Binuang.

Ketika dia berbual-bual dengan pemuda-pemuda itu, Ambong sesekali memerhati sekeliling. Dia terlihat tiga orang lelaki berpakaian serba hitam sedang menuju ke gelenggang. Ambong bertanya kepada pemuda-pemuda itu siapakah lelaki berpakaian hitam itu. Tetapi pertanyaan Ambong tidak terjawab kerana mereka asyik bercerita semasa sendiri. Ambong mula syak sama ada dia sedang diperangkap. Dia bertanya lagi kepada mereka dan kali ini pertanyaannya didengar oleh Ketua Pemuda. Mereka pun memandang keluar dan Ketua Pemuda memberitahu Ambong bahawa mereka bertiga itu bukan orang di kampung itu. Tidak berapa lama kemudian, ketiga-tiga lelaki itu pun sampai dan tanpa dipelawa terus sahaja memasuki gelanggang itu.

“Siapakah ketua kamu di kampung ini?” Tanya salah seorang daripada lelaki itu dengan sombang.

“Ketua kami ialah Tok Lekong Jamboh.” Tiba-tiba Ketua Pemuda menjawab. Ambong mengulang-ulang nama itu dalam hati dan teringat bahawa nama itu pernah didengarnya. Di kampung Binuang ada sebatang sungai yang dinamakan Tok

PERPUSTAKAAN

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA



Lekong dan mengikut cerita orang-orang tua di kampung Binuang, sungai itu adalah tempat Tok Lekong bertapa. Tok Lekong mempunyai seorang anak lelaki. Isteri Tok Lekong meninggal ketika anaknya berumur tujuh bulan. Tok Lekong mengalami kesukaran memelihara anak itu. Dia meninggalkan anak itu kepada salah seorang penduduk kampung Binuang sebelum dia pergi merantau entah ke mana.

Ketiga-tiga lelaki itu beredar dari situ sesudah mengetahui di mana Tok Lekong sedang berada. Merekapun segera mencari rumah Tok Lekong. Sesampai sahaja di halaman rumah Tok Lekong, mereka berteriak: “ Hey, Tok Lekong! Keluarlah engkau. Kami adalah utusan dari Ketua Kuta Raya!” Tok Lekong terkejut dan segera mengambil Tongkat Kayu Ulas lalu keluar. Melihat mereka tercepat di halaman rumah, Tok Lekongpun menjemput mereka naik ke rumah. Tok Lekongpun bertanya tentang hajat mereka datang menemuinya. Menurut mereka, kedatangan ke kampung itu ialah untuk memungut hasil sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah hasil di kampung itu.

“Oleh kerana hasil di kampung ini diusahakan oleh tulang empat kerat penduduk-penduduk kampung ini maka kami harus bermesyuarat terlebih dahulu sebelum mengambil keputusan untuk menyerahkan hasil kepada Kuta Raya.”

“Tok tidak bolehkah memaksa mereka?”

“Saya sudah katakan bahawa hasil dalam kampung ini adalah penat lelah penduduk-penduduk kampung ini dan bukan bantuan daripada Kuta Raya. Tidak ada siapapun yang mengambil berat tentang Kampung Aban ini, tetapi apabila sudah ada hasil barulah ada orang mahu mengambil tahu,” kata Tok Lekong dengan suara yang keras.

“Tok Lekong mesti ingat bahawa kampung Aban ini adalah sebahagian daripada Kuta Raya.”

“Termasuk atau tidak adalah keputusan ramai penduduk-penduduk kampung ini. Sekarang lebih baik kamu pulang dulu.



Janatan B. Binbang @ Janathan Kandok adalah Penulis Anak Angkat Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau berkhidmat di Akademi Kastam Diraja Malaysia, Sabah sebagai Penolong Pengarah Kastam.